

info

MENERAJUI KECEMERLANGAN



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT



BIL.2/2018 ISSN: 0127-1023

TRANSISI KE ARAH **IKM** **ASPIRASI DAN CABARANNYA**

IKM ANJUR KURSUS
ASAS MEMULAKAN
PERNIAGAAN

PROGRAM KHIDMAT
NASIHAT DAN
BIMBINGAN KOPERASI

LAWATAN DELEGASI DEWAN
KOPERASI INDONESIA
WILAYAH JAWA BARAT
(DEKOPIN), INDONESIA KE
INSTITUT KOPERASI
MALAYSIA



771511 909069

www.ikkm.edu.my



Dahulunya
MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

Kini
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

**INSTITUT
KOPERASI
MALAYSIA**

DARI MEJA KETUA PENGARAH

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera dan salam koperasi.



Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izinNya, tahun 2018 telah berjaya diharungi dengan penuh dedikasi dan jayanya. Di kesempatan ini, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja Institut Koperasi Malaysia (IKM) atas komitmen, keazaman dan kerja keras berpasukan yang ditunjukkan dalam melaksana segala tugas yang telah diamanahkan sepanjang tahun 2018.

Pencapaian tahun 2018 merupakan manifestasi komitmen dan iltizam seluruh warga IKM. Tahun 2018 merupakan tahun yang cukup bermakna bagi warga IKM yang telah berusaha gigih dalam memastikan penjenamaan Institut Koperasi Malaysia (IKM) dapat direalisasikan, di samping pelbagai pencapaian lain yang telah berjaya meningkatkan imej serta reputasi IKM ke peringkat yang lebih tinggi.

Kedatangan tahun 2019 sudah tentunya akan memberi cabaran baharu kepada seluruh warga IKM. Saya menyeru agar warga IKM terus mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi dalam melaksana amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Kita perlu mengamal serta membudayakan amalan kerja yang cemerlang dan berintegriti tinggi agar agenda utama IKM bagi tahun 2019 dapat dilaksanakan dengan sempurna selaras dengan aspirasi Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui *Nasional Entrepreneurship Framework* yang telah diperkenalkan.

Sehubungan itu, perlaksanaan agenda latihan dan pendidikan IKM bagi tahun 2019 perlu dirancang dengan lebih strategi bagi mencapai wawasan baru IKM. Ini penting agar segala tindakan dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik, mapan dan membentuk hala tuju IKM yang jelas. Seterusnya

mampu memberi pelbagai faedah kepada rakyat khususnya komuniti koperator dan golongan usahawan. Perlaksanaan agenda 2018 yang berjaya perlu diteruskan serta ditambah baik, manakala kelemahan yang telah dikenal pasti perlu diperbaiki dan kegagalan lalu perlu dijadikan teladan yang berguna.

Akhir kata dengan semangat tahun baharu, marilah seluruh warga kerja IKM mempertingkatkan keazaman untuk membawa jenama baharu Institut Koperasi Malaysia (IKM) ke mercu kejayaan. Dengan usaha yang lebih gigih dan disiplin yang tinggi serta berpegang kepada nilai-nilai hidup yang murni, kita mampu mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun 2019. Bersama-sama kita berusaha memperkasakan IKM agar ia menjadi institusi yang dihormati dan akan terus menabur bakti demi kesejahteraan komuniti koperator dalam gerakan koperasi.

Sekian dan salam.

ARIFFIN MAMAT
Ketua Pengarah
Institut Koperasi Malaysia

Sidang Redaksi

PENASIHAT

YBhg. Tn. Haji Ariffin bin Mamat
Ketua Pengarah

EDITOR

Pn. Normila Ismail

WAKIL SEKTOR/PUSAT/ZON/BAHAGIAN/UNIT

Pn. Norhayati binti Abdul Rahman
Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

En. Mohd Faisal bin Shariff
Sektor Perladangan dan Asas Tani

Pn. Ayu Diana binti Awang
Sektor Hartanah (Perumahan) dan Industri
Pembinaan

Pn. Noor Shafeeza binti Zainuddin
Sektor Pemborongan dan Peruncitan

Pn. Salwana binti Ali
Pusat Pembangunan Komuniti

Pn. Nur Syazwani binti Zainul Abidin
Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi

Pn. Nazirah binti Baharudin
Pusat Pembangunan Komuniti

En. Mohamad Haniff bin Mohamad Hashim
Pusat Pembangunan Komuniti

Pn. Aslamiyah binti Ali
Pusat Teknologi Maklumat

En. Muhammad Afnan bin Hasim
Pusat Pengurusan Perniagaan

Pn. Rohalinda binti Ahad
Zon Tengah

Pn. Yusnita binti Othman
Zon Utara

Pn. Nur Hafieza binti Hashim
Zon Timur

Pn. Siti Nuraini binti Abu Bakar
Zon Selatan

Pn. Nor Azmawati binti Haji Mohd. Shafii
Unit Penyelenggaraan dan Kejuruteraan

En. Mohamad Haswardi bin Morshidi
Zon Sarawak

PENYELARAS

Pn. Nuur-Fadzillah binti Zulkapli
Unit Komunikasi Korporat

PENCETAK

Legasi Press Sdn. Bhd.
No.17A Jalan Helang Sewah
Taman Kepong Baru, Kepong
52100 Kuala Lumpur

Kandunga



Eksklusif

- 4** Sesi Wawancara bersama Ketua Pengarah IKM

Fokus

- 7** IKM Anjur Kursus Industri Pemborongan ke Luar Negara (Guangzhou, China)
- 8** Menyingkap Rahsia Tersembunyi Perubatan Islam
- 9** Seminar Lonjakan Bisnes melalui E-Marketplace
- 12** Jom Jana Pendapatan Koperasi Melalui Bisnes Hartanah - Perkongsian Pengalaman'

Perspektif

- 14** IKM Anjur Kursus Asas Memulakan Perniagaan
- 17** Kem Keusahawanan Komuniti Koperasi
- 19** Program Khidmat Nasihat dan Bimbingan Koperasi

Berita Zon

- 23** "Pelikuidasian dan Pembubaran Koperasi: Apa yang Perlu Anda Tahu..?"

Kandungan

24

- 24** Pusat Sehenti Keusahawanan (PSK) @ IKM Zon Utara
Platform Penyebaran Maklumat untuk Usahawan dan PKS

- 25** Kursus Wajib Gabung: Koperasi Orang Asli

- 26** Kunjungan Delegasi Jawatankuasa Penaja Koperasi Pahang Skills Semambu Berhad ke Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

- 27** Program Bicara Ilmu “Buat Duit dengan Bisnes Spa” Anjuran Institut Koperasi Malaysia Zon Timur sempena Karnival i-Spa & Wellness 2018

- 28** Kuasai Formula Kejayaan Perniagaan : Strategi Penjenamaan Koperasi

- 30** Seminar Jaringan Strategik Jana Kekayaan Koperasi

Jaringan

- 32** Lawatan Delegasi Dewan Koperasi Indonesia Wilayah Jawa Barat (Dekopin), Indonesia ke Institut Koperasi Malaysia

Berita Kakitangan

- 34** Majlis Sambutan Hari Inovasi, Kreativiti dan Integriti

14



21



17



20



Sesi Wawancara bersama Ketua Pengarah IKM Tuan Haji Ariffin bin Mamat

Transisi Ke Arah IKM

Boleh tuan terangkan serba sedikit tentang latar belakang profesional tuan?

Kerjaya saya bermula di Texas Instruments Malaysia pada tahun 1983 sebagai jurutera dan kemudiannya berkhidmat sebagai Pengarah Sumber Manusia selama tiga tahun sebelum berhijrah ke syarikat Unilever Malaysia dengan posisi yang sama. Penghijrahan ini mempunyai signifikannya kerana peralihan berlaku daripada industri pembuatan produk elektronik (syarikat Amerika) kepada industri pemasaran produk penggunaan konsumen (syarikat British).

Setelah tiga tahun berkhidmat di syarikat Unilever Malaysia, saya dinaikkan pangkat sebagai Naib Presiden Bahagian Sumber Manusia di syarikat Unilever Asia dan telah berpindah ke Singapura. Kenaikan pangkat ini ialah satu penghormatan kerana di dalam dunia Unilever Asia, Malaysia hanyalah sebuah negara kecil dengan bisnes yang kecil berbanding negara lain seperti India, China, Jepun, Indonesia, Thailand, Filipina dan Australia. Seterusnya pada tahun 2003, saya telah diberi kepercayaan untuk menerajui fungsi sumber manusia bagi syarikat Unilever Timur Tengah dan Afrika Utara. Saya berpindah ke Dubai pada awalnya, dan kemudian ke Jeddah. Tugas saya ketika itu merangkumi negara-negara seperti Saudi Arabia, UAE,



Oman, Yemen, Qatar, Bahrain, Egypt, Morocco, dan Iran.

Bagi membolehkan saya terus tinggal di Saudi Arabia kerana tarikan di Mekah dan Madinah, saya mengambil keputusan untuk meninggalkan syarikat Unilever yang ingin menghantar saya ke ibu pejabat mereka di Eropah dan menerima tawaran daripada National Aquaculture group (NAQUA) sebagai Eksekutif Kanan kepada pemilik syarikat dan juga CEO NAQUA. Jawatan rasmi saya ketika itu ialah sebagai Pengarah Transformasi Korporat.

Di NAQUA, saya mula menceburi industri akuakultur, penternakan udang dan ikan

dalam skala besar sehingga NAQUA berjaya menjadi salah sebuah syarikat akuakultur terbesar di dunia sebelum saya meninggalkan syarikat itu demi menerima panggilan YB Menteri untuk pulang dan berkhidmat di Malaysia.

Secara peribadi, apakah pandangan tuan sebelum dan selepas tuan mengemudi IKM?

Sebelum saya menerima tawaran kerja di IKM, saya tidak tahu apakah itu IKM. Maaf cakap, saya tidak pernah mendengar nama itu atau apa-apa berita mengenainya. Daripada kajian saya sebelum menerima tawaran bekerja, saya dapat IKM menyasarkan khidmat kepada koperasi-koperasi di

FOKUS

seluruh negara. Saya terpanggil untuk menjadi sebahagian daripada usaha ini kerana ia selari dengan matlamat saya untuk berkhidmat kepada masyarakat, terutamanya golongan B40, demi memperkasakan ekonomi mereka dan membawa kesejahteraan kepada kehidupan mereka.

Setelah saya memulakan tugas, saya dapat penerimaan warga IKM terhadap kehadiran saya sangat mesra dan baik. Ini memudahkan transisi saya daripada sektor swasta kepada kerjaya baharu sebagai penjawat awam dalam sebuah badan berkanun.

Apakah transformasi yang ingin dibawa oleh tuan dalam menjadikan IKM sebagai sebuah institusi latihan koperasi terulung di Malaysia dan di mata dunia?

Kita ada tiga peringkat transformasi.

A. Transformasi visi dan misi kita untuk fokus kepada *outcome*. Dalam transformasi ini, matlamat kita ialah untuk memperkasakan pendapatan koperasi supaya 60 peratus daripada koperasi di seluruh negara ini mencapai pendapatan melebihi RM1,000,000 setahun.

B. Transformasi modul latihan, perkhidmatan dan pendekatan. Sebagai pendekatan, kita menumpukan kepada program Turun Padang berunding dengan koperasi untuk memahami apakah ruang dan keperluan latihan yang mereka perlukan. Seterusnya, customize training akan disediakan

untuk koperasi tersebut. IKM akan memantau keberkesanan latihan-latihan yang disampaikan kepada pertumbuhan pendapatan koperasi. Perkhidmatan IKM merangkumi rundingan, latihan, mentoring, coaching, penyelidikan, dan penerbitan.

- C. Untuk kursus jangka panjang, IKM akan mengembangkan peranan ICOOP daripada kursus-kursus peringkat Diploma ke kursus peringkat Ijazah. Pengambilan peserta dari luar negara juga akan diberi perhatian. Malah, kursus-kursus kemahiran seperti kursus jahitan, ukiran, masakan dan dandan juga akan diwujudkan.
- D. Transformasi struktur dan budaya kerja di IKM.

Apakah cabaran yang mungkin dihadapi dalam menerajui proses transformasi MKM ke IKM?

MKM untuk 12 tahun yang lepas kekal dengan perjawatan seramai 207 orang. Dengan wawasan baharu dan matlamat yang tinggi, tentunya IKM memerlukan penambahan tenaga kerja dengan kapakaran yang diperlukan. Saya lihat kekangan untuk mendapat penambahan tenaga kerja sebagai satu cabaran utama.

Selain itu, IKM juga memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuk kementerian, agensi-agensi di bawah naungan kementerian yang sama dan juga koperator. Adalah menjadi tanggungjawab saya sebagai Ketua Pengarah IKM untuk meyakinkan semua pemegang taruh mengenai wawasan dan hala tuju IKM

yang akan memberi manfaat terus kepada perkembangan ekonomi negara, koperator, dan anggota-anggota.

Secara dasarnya, adakah tuan menganggap tanggungjawab yang digalas tuan sebagai Ketua Pengarah IKM yang baharu adalah berat?

Tanggungjawab dan amanah ini sangat penting, mencabar, dan menarik. Saya akan gunakan pengalaman yang saya ada untuk menjalankan amanah ini dengan sebaik mungkin. Dengan izin Allah dan sokongan semua pihak, tidak ada yang tidak dapat dicapai. Umpama pokok sebatang, tegak berdiri menjadi tiang, rebah ke bumi menjadi jambatan. Begitulah hasrat saya dalam memberi khidmat kepada masyarakat.

Bagaimana tuan mengadaptasikan budaya kerja di negara luar tempat tuan berkhidmat sebelum ini dengan budaya kerja di IKM?

Cara terbaik untuk mengadaptasi dengan mana-mana budaya ialah dengan berpegang kepada prinsip dan nilai-nilai murni yang mementingkan rasa saling menghormati, ingin mempelajari secara berterusan, bersikap terbuka, dan sikap bersedia menghulur tangan memberi salam memulakan jalinan hubungan berdasarkan kemanusiaan.

Kita tidak tahu semua perkara, tidak berupaya membuat semua, dan tidak mungkin berjaya dalam apa jua usaha tanpa sokongan orang lain. Menyedari itu, kita akan mudah diterima.

Lain padang lain belalang.

Masuk ke kandang kambing mengembek.

Baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang.

Ada ubi ada batas. ada masa boleh balas.

Bulat air kerana pembetung, Bulat manusia kerana muafakat.

Apakah visi atau sasaran yang ingin dicapai pada tahun 2019?

1. Menyasarkan sebanyak 60 peratus koperasi untuk menjana pendapatan lebih daripada RM1,000,000 dari tahun 2019 hingga 2025.

2. Mengenal pasti sekurang-kurangnya 200 koperasi berpotensi untuk mencapai kadar pendapatan melebihi RM1,000,000 melalui pendekatan **Program Turun Padang**. Untuk tujuan ini IKM melancarkan program MiRiCLE (Million Ringgit Coop League).

Melalui program MiRiCLE IKM akan mengenal pasti Koperasi yang ingin meningkatkan prestasi mereka. IKM akan memberi kursus dan bimbingan samaada dalam pengurusan atau pengetahuan teknikal berkenaan sektor tertentu atau kedua-duanya. IKM juga akan mudah cara untuk Koperasi terlibat mendapat bantuan pinjaman.

Pada tahun hadapan dan seterusnya IKM akan menambah bilangan Koperasi yang akan

dibimbing di bawah program MiRiCLE.

3. Mengenal pasti dan melatih 3000 usahawan koperasi dalam masa dua tahun (2019 dan 2020).
4. Menyediakan 15,000 peluang pekerjaan melalui sektor koperasi. (2019 dan 2020.)

Apakah hasrat atau harapan tuan kepada warga IKM khususnya dan gerakan koperasi amnya dalam memastikan proses penjenamaan semula MKM ke IKM dapat dipacu bersama-sama?

Berani membuat pilihan, berani mengambil risiko, dan berani membuat perubahan. Kita perlu merebut peluang yang dibuka oleh kerajaan sekarang untuk memulakan usaha keusahawanan melalui koperasi.

Apabila bekerja bersama-sama, yang berat menjadi ringan, yang jauh menjadi dekat, yang samar-samar menjadi terang.

Boleh tuan kongsikan prinsip atau falsafah yang dipegang oleh tuan untuk sentiasa maju ke hadapan?

Saya pelajari daripada pengalaman sendiri. Saya berasas baik kerana Allah telah temukan saya dengan insan-insan hebat yang banyak mengajar saya. Di antara prinsip atau falsafah saya ialah;

a. **“Mengambil tahu dan membantu!”**

Kita akan mudah disenangi jika kita amalkan sikap tersebut.

b. **“You get what you accept!”**

Jadinya, kita akan sentiasa menjadi seorang yang kritikal dan mencari kecemerlangan dalam apa juga aktiviti atau bidang kita.

c. **“Kenapa berjalan perlahan jika boleh berjalan cepat!”**

Suatu masa dahulu, bos saya selalu berjalan dengan pantas membuatkan saya bertanya, kenapa beliau berjalan terlalu pantas? Di atas itulah jawapan beliau.

d. **“Kita perlukan kompas dan sauh!”**

Dalam dunia penuh mencabar ini, manusia sering digoda dengan pelbagai godaan nafsu. Sama ada harta benda, pangkat dan kuasa, atau godaan-godaan lain. Saya percaya kita akan selamat dunia dan akhirat sekiranya kita mengikuti (kompas) ajaran agama kita, dan berpegang kepada (sauh) prinsip-prinsip yang diajar dalam Al-Quran.

e. **“Berjiwa besar, bukan semua benda milik kita dan bukan semua kesalahan berpunca daripada orang lain!”**

Bermurah hati lah, dan jadilah seorang yang senang meminta maaf dan senang juga memaafkan. Banyak lagi falsafah kehidupan saya. Memadailah saya berkongsi lima dahulu.

Boleh tuan gambarkan IKM dalam satu perkataan?

Aspirasi atau Harapan!

IKM Anjur Kursus Industri Pemborongan ke Luar Negara (Guangzhou, China)

Siti Hajar Saaey
Sektor Pemborongan dan Peruncitan (SPP)

Bidang pemborongan merupakan salah satu sektor yang mempunyai potensi perniagaan yang berdaya saing pada era ini. Tambahan lagi dengan kepesatan kemajuan teknologi maklumat, sektor pemborongan menjadi lebih rancak dengan penjualan melalui media massa. Selaras dengan perkembangan ini, Sektor Pemborongan dan Peruncitan Institut Koperasi Malaysia (IKM) mengambil inisiatif dengan menganjurkan kursus berbentuk simulasi iaitu Kursus Industri Pemborongan ke Luar Negara (Guangzhou, China) pada 8-13 November 2018 yang lalu. Kursus yang melibatkan kerjasama dengan pihak BGST Resources Sdn Bhd telah disertai 12 orang peserta dan melibatkan dua pegawai pengiring iaitu Cik Siti Hajar Saaey, Pn Noor Shafeeza Zainudin serta Pengarah Sektor, En Jaibit Jaudin mewakili Sektor Pemborongan dan Peruncitan IKM. Manakala wakil BGST pula ialah Pn Zuria Salleh dan En Syahrul Izat.

Kursus berbentuk *experiential learning* ini bertujuan untuk mendedahkan usahawan atau wakil koperasi mengaplikasikan proses pemborongan, urusan pembekal, pembungkusan, logistik dan lain lagi secara langsung. Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus pra persediaan yang telah dihadiri oleh peserta Kursus Peluang Perniagaan

Melalui Pemborongan di Luar Negara, Tambahan lagi, kursus ini membolehkan peserta menjalinkan rantaian kerjasama dengan peniaga di luar negara serta secara tidak langsung memperkembangkan kemahiran untuk berkomunikasi, berinteraksi dan mengenali potensi sebenar perniagaan pemborongan di Guangzhou, China.

Para peserta didedahkan dengan beberapa pusat pemborongan utama di mana teknik pendedahan awal diaplikasikan agar para peserta boleh mengadakan lawatan sendiri pada masa akan datang. Selain itu, para peserta juga telah diterapkan dengan kaedah berkomunikasi dengan

pemborong-pemborong di China. Mereka telah dibawa ke pusat pemborongan gajet, barang mainan kanak-kanak, pakaian, kasut, beg yang boleh diperoleh secara borong yang melibatkan kos yang sangat minimum. Peserta turut diajar menggunakan aplikasi *Wechat* untuk berkomunikasi dan membuat tempahan pada masa akan datang agar kesinambungan aktiviti pemborongan ini terus berlangsung dalam memajukan koperasi. Selain itu, peserta turut didedahkan dengan penggunaan keretapi yang dikenali sebagai *Metro* dan teksi ke beberapa pusat-pusat borong. Ini bagi membolehkan mereka bergerak secara *survival* di masa akan datang

Secara keseluruhannya, program ini memberi ilmu yang sangat bermanfaat kepada para koperator dan usahawan. Pendedahan ilmu yang *hands-on* dalam aktiviti pemborongan di China ini diharap dapat diaplikasikan secara berterusan oleh para peserta. Peluang menerokai bidang perniagaan berpendapatan tinggi dalam bidang pemborongan ini sewajarnya diguna pakai sebaiknya oleh peserta dan koperasi. Semoga koperasi dapat berdaya saing dengan perniagaan lain seiring dengan perkembangan dunia teknologi pada masa kini.

MENYINGKAP RAHSIA TERSEMBOUNYI PERUBATAN ISLAM

Norhayati Abdul Rahman
Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri & Kesihatan (SSPDK)



Urus setia Seminar bersama En. Mohd Roslan (Ketua Sektor IKM), Ustaz Zulkpely Mohd Dahlan (Penceramah), Tn. Hj. Muslim (Pengerusi ANGKASA Negeri Melaka) dan Pn. Rabi'ah Al Adawiyah (Timbalan Pengarah SKM Melaka)

Kaedah perubatan Islam begitu popular di Malaysia pada hari ini. Ia sering dikaitkan dengan penggunaan ayat-ayat Al-Quran, wirid-wirid berdasarkan hadis Nabi, aktiviti menghalau jin, membuang saka, mengambil ubat-ubatan berpandukan Al-Quran dan Sunah dan

yang seumpamanya. Namun, adakah ini sahaja yang dinamakan perubatan Islam?.

Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan (SSPDK) Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah mengadakan seminar **“Menyingkap Rahsia Tersembunyi Perubatan Islam”** pada 28-29 November

2018 di Bayview Hotel, Melaka. Seminar ini telah dihadiri oleh koperator dari seluruh semenanjung Malaysia dan telah mendapat sambutan di luar jangkaan dengan jumlah peserta seramai 155 orang yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Kecil Projek dan anggota koperasi.

FOKUS

Program yang berlangsung selama dua hari ini telah menampilkan seramai tiga orang pembentang kertas kerja dari Pusat Rawatan Perubatan Islam Darussyifa' yang mempunyai pengalaman, kepakaran serta terlibat secara langsung dalam perubatan Islam. Pembentang kertas kerja pertama ialah Ustaz Imran bin Kamal Basha. Beliau telah mengupas berkaitan *Konsep dan Jenis Rawatan Dalam Perubatan Islam*.

Seterusnya kertas kerja kedua dan ketiga pula dibentangkan oleh Ustaz Zulkpely bin Mohd Dahlan dan Ustaz Muhd Redza bin Ahmad dengan kertas kerja yang bertajuk "Makhluk Halus dan Kaitannya dengan Penyakit dan Histeria: Punca dan Kaedah Menanganinya." Menurut pembentang, sebagai umat Islam kita tidak boleh menolak amalan yang disebarluaskan kerana ia mempunyai dalil dan hujah yang tersendiri.



Penyertaan yang menggalakkan daripada seluruh koperator

Apatah lagi amalan yang berkaitan dengan zikir dan doa yang menghubungkan manusia dengan Allah S.W.T berdasarkan dalil yang sah.

Kertas kerja terakhir bertajuk "Sihir/Santau: Cara Mengenali dan Mengubatinya" dibentang oleh Ustaz Zulkpely bin Mohd Dahlan telah berkongsi tip, kaedah dan cara mengubati yang boleh dilakukan untuk diri sendiri dan ahli keluarga yang

paling hampir. Sebenarnya tiada sebarang dalil yang menegaskan bahawa konsep perubatan Islam hanya melibatkan amalan-amalan yang disebutkan ini. Justeru, skop perubatan Islam begitu luas. Apa sahaja ubatan serta prosedur yang mengikut kaedah perubatan yang betul, maka ia adalah perubatan yang diizinkan oleh syarak. Ini termasuk prosedur perubatan serta



Sesi pembentangan Ustaz Imran

ubat-ubatan yang disebutkan oleh Nabi, di samping kaedah serta disiplin ilmu perubatan yang lain selagi mana ia tidak bercanggah dengan akidah, syariat dan akhlak Islam.

Secara keseluruhannya, penganjuran program seumpama ini telah mendapat maklum balas yang positif dari kalangan koperator di mana para koperator memohon kepada IKM untuk mengadakan siri yang kedua. Secara tidak langsung sebagai institusi latihan, IKM telah menjadi platform kepada koperator mendapatkan maklumat serta input bagi gerakan koperasi mencebur ke bidang perubatan Islam.



Sesi pembentangan Ustaz Muhd Redza

SEMINAR LONJAKAN BISNES MELALUI E-MARKETPLACE

Nor Aslamiah Ali
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Tn Hj Ramlan Kamsin, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) IKM merasmikan program seminar "Lonjakan Bisnes melalui e-Marketplace"

Sejak kebelakangan ini ketika ekonomi Malaysia tidak menentu, banyak usahawan yang terkesan dengan kenaikan kos, dan juga kuasa pembeli yang semakin kurang. Akibatnya, perniagaan mengalami kesukaran terutamanya dalam aktiviti pemasaran yang memakan belanja yang tinggi. Mempromosikan perniagaan adalah satu perkara paling penting yang mesti dilakukan untuk memajukan dan memperkembangkan perniagaan dengan memastikan produk perniagaan yang murah, mutu produk yang berkualiti dan produk yang dikenali ramai. Cara berkesan untuk mempromosikan perniagaan adalah dengan pengiklanan berterusan yang boleh dilakukan secara online atau pengiklanan offline.

Jika dilihat trend masa kini dan kemunculan revolusi industri

4.0, peluang perniagaan gaya baharu melalui platform e-dagang seperti di platform e-Marketplace dapat membuka banyak peluang perniagaan bagi mereka yang tahu memanfaatkannya. Tidak dinafikan, industri e-dagang Malaysia berkembang pesat selepas lonjakannya pada pertengahan 2000-an. Dari perspektif e-dagang, ruang digital adalah aktif dengan lebih daripada 22 juta pengguna internet aktif dan dijangkakan penambahan sebanyak 5 juta lagi pada tahun 2018.

e-Marketplace merupakan salah satu daripada inisiatif untuk membantu usahawan-usahawan online meluaskan lagi pasaran produk mereka kepada kumpulan pengguna yang lebih luas. Antara platform e-Marketplace yang popular di Malaysia ialah Lazada, Shopee, Zalora, Lelong.my,

11street, Nile.com dan banyak lagi. Peluang peniagaan melalui e-Marketplace dilihat trend masa kini yang dapat membantu melonjakkan reputasi dan meluaskan rangkaian perniagaan online.

Justeru itu, Pusat ICT mengambil inisiatif untuk menganjurkan program ini untuk membantu anggota koperasi meningkatkan jualan melalui platform e-Marketplace seterusnya mempromosikan produk mereka ke pasaran luar dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkaitan. Seminar yang telah berlangsung di Auditorium Dato' Abdul Majid, Institut Koperasi Malaysia, Petaling jaya pada 27 September 2018 selama satu hari ini penuh dengan informasi yang bermanfaat untuk para peserta yang hadir. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Hj. Ramlan Kamsin selaku Timbalan Ketua Pengarah (Akademik).

FOKUS



Para peserta khusuk mendengar informasi yang disampaikan oleh penceramah

Institut Koperasi Malaysia. Peserta seminar adalah dari kalangan para koperator dan juga orang awam seramai 135 orang. Peserta teruja dengan perkongsian daripada penceramah-penceramah yang hebat, antaranya En. Mohamad Ridzuan Mohamad Kasmani (MDEC), Pn. Asnor Vidya Nor Azmi (MATRADE), Mr. Charles Gregory (Digital Marketing Maestro & Affiliate Marketing Coach), Kapten Zainol Rashid Burhan (B) (Jurulatih Perniagaan E-Dagang SHOPEE) dan En. Sulaiman Mokhtar (Jurulatih Perniagaan E-Dagang AVANA).

Seminar ini dirancakkan lagi dengan sesi forum di mana panel forum terdiri daripada En. Hamizal Abdul Khalid (Koperasi Pos Nasional



Penyampaian cenderahati kepada penceramah jemputan Pn. Asnor Vidya Nor Azmi (MATRADE)

Berhad (KOPONAS), Husnайди Ibrahim (Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)), Encik Daing Muhamad Fadzil Abd Latif (Koperasi Usahawan Koko Minda Industries Melaka Berhad), dan Tn. Haji Mohd Nordin Jefri (Koperasi Usahawan Groom Big Perlis Berhad). Sesi ini dikendalikan oleh YBhg En. Roslan Bani Amin (Ketua Sektor, Institut Koperasi Malaysia) sebagai moderator. Sepanjang

perkongsian pengalaman daripada para panel banyak input-input dan tip-tip yang boleh dipelajari daripada mereka yang telah mencebur ke dalam pasaran dalam dan luar negara menggunakan e-Marketplace. Peserta juga diberi informasi berkaitan program eTrade di mana pihak MATRADE menyediakan insentif sebanyak RM5000.00 untuk koperasi berkecimpung dalam bidang e-dagang dengan mengeksport produk

buatan tempatan ke luar negara.

Harapan urus setia seminar ini agar pihak koperasi berani dalam meneroka peluang perniagaan pasaran dalam dan luar negara dengan menggunakan platform e-Marketplace. Moga koperasi terus sukses dan berupaya untuk menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM 55 billion menjelang 2020.



Sesi Forum



Urus setia bergambar kenangan bersama barisan penceramah



Urus setia bergambar kenangan bersama panel forum

JOM JANA PENDAPATAN KOPERASI MELALUI BISNES HARTANAH - PERKONGSIAN PENGALAMAN'

Ayu Diana Awang
Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan

Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan (SHIP) IKM telah menganjurkan seminar yang bertajuk Bisnes Hartanah: Jom Jana Pendapatan Tinggi (Perkongsian Pengalaman). Seminar ini bertempat di Hotel Langkasuka Langkawi dan dihadiri seramai 111 peserta. Seminar anjuran SHIP ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai potensi dan peluang penglibatan koperasi dalam aktiviti perniagaan sektor hartanah dan industri pembinaan serta menarik minat koperator untuk menjalankan perniagaan dalam aktiviti dan transaksi berkaitan hartanah. Selain itu, para koperator boleh mendapatkan pendedahan berkaitan praktis terbaik daripada organisasi dan badan yang terlibat dalam aktiviti dan transaksi berkaitan hartanah.

Sesi pertama dimulakan dengan tajuk Potensi dan Peluang dalam Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan yang disampaikan oleh En. Mohammed Nazree Shah bin Anwar Shah, seorang konsultan yang berpengalaman dalam bidang pembinaan. Beliau telah memberikan gambaran sebenar tentang senario semasa industri pembinaan di Malaysia serta peluang yang boleh diambil oleh koperasi untuk menceburi bidang ini. Sesi kedua diikuti oleh YBhg. Dato' Hj Che Mohd Shukree Che Isa



Naib Presiden ANGKASA, merangkap Pengurus Jawatankuasa Sektor Hartanah ANGKASA yang mengupas Isu dan Cabaran Koperasi Hartanah. Melalui sesi ini, para peserta didedahkan dengan permasalahan dan isu semasa yang dihadapi oleh koperasi dalam bidang hartanah.

Sesi ketiga diteruskan dengan tajuk Jom Jana Pendapatan

Koperasi Melalui Hartanah Lelong dan Sublet yang disampaikan oleh Tn Hj Ishak Ismail iaitu Ketua Pengarah Urusan IM Global Property Consultants Sdn. Bhd. Para tetamu diberi penjelasan lanjut mengenai hartaanah lelong yang boleh dijadikan sebagai satu peluang untuk koperasi menjana pendapatan. Hari pertama ditangguhkan dengan sesi keempat iaitu



Jana Pendapatan Koperasi Melalui Agen Hartanah dan Pengurusan Bangunan yang disampaikan oleh En. Firdaus Mahmud, seorang perunding harta tanah dan juga penulis buku.

Pada hari kedua, para peserta diberi peluang untuk mendengar perkongsian pengalaman langsung daripada ikon-ikon koperasi yang berjaya dalam industri harta tanah iaitu:

En. Mohd Faizul b. Ismail, Pengurus Koperasi Keluarga Hj Zabir Kelantan Berhad

Tn. Hj Mior Shahrin b. Hj Mior Mohd Yusop, Pengurus Besar Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad

Dr. Hjh Hayati Md Saleh, Setiausaha

Koperasi Perumahan Impian Selangor Berhad

En. Mohammed Nazree Shah bin Anwar Shah, Konsultan Islah Mega Sdn Bhd.

Secara keseluruhannya, program seminar ini telah memberi pencerahan berkenaan cabaran yang akan dihadapi oleh koperasi serta peluang untuk membuat transformasi perniagaan mereka di dalam sektor harta tanah dan industri pembinaan. Sehubungan itu, gerakan koperasi akan lebih bersedia dengan kepelbagaian isu atau cabaran berkaitan selok belok aktiviti harta tanah yang dibincangkan di dalam platform seminar ini kelak. Selain itu, program seminar ini dapat membuka minda para koperator untuk terus memajukan entiti koperasi secara dinamik melalui kepelbagaian aktiviti perniagaan yang berimpak tinggi.



IKM LANCAR PROGRAM MiRiCLe, TURUN PADANG MEMBANTU KOPERASI

Muhammad Afnan Hasim
Pusat Pengurusan Perniagaan



Peserta bergambar kenangan di hadapan Masjid As Salam Puchong Perdana

Baru-baru ini Institut Koperasi Malaysia (IKM) melalui Pusat Pengurusan Perniagaan telah mengadakan kursus Asas Memulakan Perniagaan yang bertempat di Coop Hotel Putrajaya dan Cyberjaya, Dengkil, Selangor. Fokus kursus ini diadakan adalah

sebagai platform pendedahan awal kepada para peserta tentang perniagaan-perniagaan yang ada dan boleh diceburi oleh koperasi.

Seramai 33 orang yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Pengurusan Koperasi, Jawatankuasa

Audit Dalaman Koperasi, Jawatankuasa Kecil Koperasi, pegawai agensi yang menyelia koperasi dan anggota koperasi dari sekitar Lembah Klang mengikuti kursus ini bagi menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran.



Para peserta sedang mendengar ceramah di Coop Hotel Putrajaya & Cyberjaya

Antara objektif kursus ialah memberi pendedahan tentang persediaan asas memulakan perniagaan dan bagi memberi kefahaman proses yang terlibat dalam membangunkan perniagaan. Antara topik yang disentuh pada kursus ini adalah seperti pengenalan perniagaan, keperluan kompetensi keusahawanan, potensi perniagaan bidang keberhasilan, asas memulakan perniagaan dan lain-lain lagi.

Penceramah terdiri daripada pensyarah IKM dan penceramah jemputan. Penceramah jemputan yang dijemput ialah YBhg. Tuan Haji Yasim Bin Mohamed, Pengurus, Koperasi Kariah Masjid As-Salam Puchong Perdana Berhad (KoSalam). Selain mempunyai pengalaman dan berpengetahuan luas dalam bidang perniagaan koperasi, beliau juga kerap kali dijemput oleh pihak kerajaan dan swasta untuk memberi ceramah berkaitan pembangunan modal insan, pentadbiran, pengurusan dan sebagainya.

Selain itu, para peserta juga turut dibawa melawat ke KoSalam bagi melihat perniagaan yang dijalankan. Secara ringkas mengenai KoSalam, lokasi perniagaannya adalah didalam kawasan Masjid As Salam Puchong Perdana, menyediakan kemudahan kepada pelanggan seperti restoran, kedai pakaian jubah dan barang solat, kedai makanan sejuk beku, kedai gunting rambut serta turut menempatkan kaunter pejabat pos.

YBhg. Tuan Haji Yasim Bin Mohamed turut menekankan kepada para peserta tentang

kepentingan berintegriti dalam menjalankan sesuatu perniagaan. Elakkan daripada menjual produk atau barang yang menyalahi undang-undang.

Pada akhir kursus, para peserta telah diberikan tugas berkumpulan dan diminta untuk membuat

Muhamad dari Koperasi Keluarga Sharifah Zaitun Pahang Berhad berkata, melalui penganjuran kursus seperti ini diharap dapat diteruskan lagi di masa hadapan kerana dapat menyuntik semangat para peserta untuk memajukan koperasi masing-masing dan mencapai kecemerlangan.



Antara perniagaan yang terdapat di KoSalam

pembentangan. Tugasan yang diberikan adalah bertujuan untuk melihat kefahaman dan pengetahuan peserta sepanjang berkursus selama tiga hari di sini.

Sementara itu, salah seorang peserta yang mengikuti kursus ini Puan Azizah Binti

Kesimpulannya, diharapkan segala ilmu pengetahuan yang ditimba dan diperolehi sepanjang berlangsungnya kursus ini akan digunakan dengan sebaiknya oleh para peserta dan seterusnya dapat meningkatkan lagi prestasi koperasi pada masa akan datang.



Salah satu kumpulan yang telah membuat pembentangan

KEM KEUSAHAWANAN KOMUNITI KOPERASI

Encik Mohamad Haniff Mohamad Hashim
Pusat Pembangunan Komuniti



Pusat Pembangunan Komuniti (PPK) telah menjalankan Kem Keusahawanan Komuniti Koperasi bertempat di Kem Latihan Brindley Pasir Panjang, Negeri Sembilan. Tujuan kem ini diadakan adalah untuk membina minda berkoperasi, menjadi usahawan yang cemerlang, membina pasukan yang padu, mencipta komunikasi yang berkesan dan menjadikan golongan muda seorang usahawan koperasi. Program ini diharap dapat membentuk semangat kerja berpasukan, mengasah bakat kepimpinan dan semangat kerjasama.

Seramai 45 orang peserta telah mengikuti program ini melibatkan empat (4) Universiti Awam dan satu (1) Kolej. Peserta yang hadir

terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan anggota koperasi. Program ini melibatkan 3 hari 2 malam. Pengisian program ini ialah berkaitan keusahawanan koperasi, semangat kerja berpasukan, komunikasi dalam pekerjaan, permainan berpasukan dan membuat Rancangan Perniagaan.

Program ini juga melibatkan aktiviti luar iaitu *Jungle Tracking* pada awal pagi. *Jungle Tracking* ini melibatkan aktiviti *survival*, menguji daya tahan diri dan melakukan aktiviti lasak. Peserta turut diajar bagaimana untuk memasak nasi dalam botol di dalam hutan. Pada sebelah petang, peserta bermain permainan berkumpulan

dan membuat rakit. Setelah rakit disiapkan, mereka perlu berakit ke tengah lautan dan kemudian balik ke daratan.

Universiti dan kolej yang telah mengikuti kem tersebut ialah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Kolej iCOOP Academy. Urus setia mengucapkan selamat maju jaya kepada peserta dan berharap mereka dapat memanfaatkan ilmu dan pengetahuan dipelajari semasa kem berlangsung.



Program Khidmat Nasihat dan Bimbingan Koperasi

Noor Shafeeza Zainuddin
Sektor Pemborongan dan Peruncitan

SPP IKM bukan sahaja dipertanggungjawabkan untuk menyelaras kursus dan program berbentuk akademik berkaitan aktiviti-aktiviti di bawah sektor pemborongan dan peruncitan.

Sektor ini juga turut menawarkan khidmat nasihat dan bimbingan kepada koperasi yang memerlukan pandangan serta panduan di bawah bidangan SPP sama ada berkaitan pengurusan

dan perniagaan seperti aturan, standard piawaian operasi (SOP), kedai, pusat pengedaran, isu aliran tunai, produk, pembungkusan, pensijilan, pemasaran, francais, perlesenan dan lain-lain lagi.

KOPRIMA

Koperasi Imigresen Malaysia Berhad (KOPRIMA) telah menjadi salah sebuah koperasi di bawah Program Khidmat Nasihat dan Bimbingan SPP di mana ia memerlukan bimbingan dari aspek pembangunan kedai runcit berkonsepkan kontemporari bagi kemudahan para anggota yang bertugas di Putrajaya membeli barang keperluan rumah dan kendiri. Kedai ini berkonsepkan dua-dalam-satu di mana terdapat ruangan tempat makan dan kelengkapan “Ready to Eat” bagi memudahkan anggota menjamu sarapan, makan tengah hari atau menikmati *light snacks* di kedai. Kedai ini juga turut dibuka kepada orang awam.

Beberapa lawatan dan perjumpaan telah diadakan oleh kuedua-dua pihak; termasuk tunjuk ajar dan khidmat nasihat sama ada secara langsung atau tidak langsung antara Pegawai SPP kepada jawatankuasa pengurusan kedai. Hasil daripada kerjasama serta dedikasi yang sangat tinggi daripada pimpinan dan pengurusan koperasi, Kedai KOPRIMART telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Haji Mustafar Bin Haji Ali, Ketua Pengarah Imigresen Malaysia



Sesi khidmat nasihat dan bimbingan yang dihadiri oleh Ketua Sektor Bidang Keberhasilan IKM, Team SPP IKM dan pengurusan KOPRIMA di pejabat koperasi yang terletak di Shah Alam



Ketua Pengarah JIM dan barisan ALK Koperasi merasmikan pembukaan kedai KOPRIMART serta menjamu nasi lemak dan pau di ruangan Ready to Eat kedai

di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Putrajaya pada 25 Oktober 2018 dan seterusnya memulakan operasi pada hari yang sama. Kejayaan dan kelancaran model bisnes kedai KOPRIMART di Ibu Pejabat akan menjadi penentu dan panduan kepada pembukaan cawangan kedai tersebut mengikut zon atau lokasi pejabat-pejabat imigresen negeri yang bersesuaian.

KO-AR RASHDIAH

Koperasi Kariah Masjid Ar-Rashdiah Selama Perak Berhad (KO-AR RASHDIAH) turut dilawati SPP IKM bagi melihat aktiviti peruncitan yang telah dijalankan koperasi. Hasil pendapatan serta manfaat material dari koperasi ini dilihat memberi kesan secara langsung kepada komuniti sekitar dari aspek sosial mahupun ekonomi. Di antara

aktiviti-aktiviti peruncitan yang menjana pendapatan kepada koperasi adalah produk sejuk beku (*frozen food*), kedai runcit koperasi yang beroperasi berhampiran pasar awam dan perhentian bas, bisnes kitar semula dan penyediaan juadah rehat bagi peserta kursus haji di masjid. Produk sejuk-beku seperti pau, karipap, donut dan durian *crepe* amat laris serta mendapat permintaan



Durian Crepe laris yang dihasilkan oleh KO-AR RASHDIAH

Produk *Frozen Food* keluaran koperasi

yang tinggi dari penduduk setempat.

Khidmat nasihat turut diberikan dari aspek pembungkusan dan pemasaran produk; lanjutan daripada sesi perjumpaan bersama pegawai FAMA di dalam Kursus Pengedaran dan Pembekalan Produk pada 16-17 April 2018 yang telah dihadiri oleh ALK koperasi. Kajian berkaitan pembangunan dan pengembangan produk masih diteruskan oleh ALK dan anggota bersama-sama agensi yang berkaitan dalam peningkatan mutu dan jualan produk.

Juadah rehat yang disediakan kepada para peserta kursus haji



KAIMB

Perjumpaan SPP IKM bersama personel pengurusan dari Koperasi AIM Berhad telah memberi peluang kepada kedua-dua pihak bagi berkongsi idea, pengalaman, cabaran dan isu-isu berbangkit khususnya tentang hala tuju sektor pada masa kini dan akan datang. Encik Mohd Roslan Bin Bani Amin, Ketua

Sektor Bidang Keberhasilan IKM turut berpeluang memberikan khidmat nasihat dari aspek kos pengiklanan dan pengedaran barang keperluan seperti beras dan minyak semasa perjumpaan berlangsung. Koperasi AIM Berhad memiliki sebuah kilang OEM retort di Senawang; dan juga mempunyai pusat pengedaran di sana.

Koperasi ini turut membantu anggotanya memasarkan produk di dalam; maupun di luar negara. Majoriti anggota koperasi mempunyai produk berasaskan makanan dan minuman. Strategi perniagaan koperasi berkaitan aktiviti pemborongan dan peruncitan turut dibincangkan bagi penelitian impak dan keberkesanannya.



En. Mohd Roslan Bani Amin dan pegawai SPP IKM bergambar bersama Dato' Syukri dan Pn Halymatal setelah sesi perbincangan dan khidmat nasihat selesai dijalankan.



Para peserta Kursus Industri Produk Makanan (Rantau Nilai) merakam memori di hadapan Kilang Retort milik Koperasi AIM Berhad di Senawang

KIC

Barisan pimpinan Koperasi Kolej iCoop Petaling Jaya Berhad (KIC) telah memohon bantuan khidmat nasihat dari SPP IKM dalam membangunkan sebuah kedai runcit di dalam bangunan kolej bagi kemudahan para pelajar. Perbincangan berkaitan analisis SWOT terhadap pembukaan kedai dan juga contoh-contoh aktiviti peruncitan oleh koperasi-koperasi siswa di seluruh Malaysia turut dikongsi sebagai pembuka jalan bagi penjanaan pendapatan awal koperasi. Sememangnya kedai runcit yang beroperasi

di dalam sesebuah institusi; yang mana berjaya memenuhi keperluan pasarannya (pelajar) akan mampu menikmati keuntungan yang disasarkan. Ia berpulang kembali kepada penjanaan idea perniagaan yang kreatif oleh koperasi dalam menarik minat pelajar untuk "bergantung" melakukan urusniaga dengan koperasi. Istilah bergantung yang dimaksudkan adalah koperasi pelajar menawarkan fasiliti yang sememangnya memenuhi kehendak para pelajar seperti makanan lewat malam, tempat fotostat, servis tempahan

tiket bas dan sebagainya. Penyusunan barang jualan di kedai dengan pembelian kelengkapan kedai telah dilakukan secara berfasa oleh para pelajar dan telah membangunkan strategi perniagaan bagi pembukaan semester yang baharu.

Team SPP IKM amat mengalaukan permohonan koperasi dalam mendapatkan bantuan khidmat nasihat atau bimbingan bagi aktiviti pemborongan dan peruncitan yang dijalankan oleh koperasi. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada:

Pengarah

Sektor Pemborongan dan Peruncitan (SPP)

Maktab Koperasi Malaysia

Emel: peruncitan@mkm.edu.my

No. Tel: 03-79649133 / 03-79649012 / 03-79649034 / 03-79649038

“PELIKUIDASIAN DAN PEMBUBARAN KOPERASI: APA YANG PERLU ANDA TAHU..?”

Asha'ari Arshad

Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), sehingga Disember 2017 menunjukkan jumlah koperasi berdaftar di Malaysia adalah sebanyak 13,899 buah. Daripada jumlah ini, 10,841 koperasi dikategorikan aktif, 1,481 tidak aktif dan 1,577 berstatus dorman. Koperasi dorman bermaksud koperasi yang tidak menjalankan sebarang aktiviti serta mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi bagi tempoh lebih daripada tiga tahun, manakala koperasi tidak aktif pula adalah koperasi yang tidak menjalankan sebarang aktiviti dalam tempoh tiga tahun tetapi

masih mengadakan MAT dan akaunnya diaudit dalam tempoh tersebut. Jumlah sebanyak 3,058 koperasi dorman dan tidak aktif ini amat membimbangkan dan sekiranya ia tidak ditangani maka ini merupakan antara faktor yang boleh menyumbang kepada pembubaran sesebuah koperasi.

Merujuk kepada perkembangan di atas, pada 1 November 2018 bertempat di Dewan Serba guna, Tamarind Square, Cyberjaya, IKM Zon Tengah telah menganjurkan Seminar bertajuk **Pelikuidasian dan Pembubaran Koperasi: Apa yang perlu anda tahu..?**

Inisiatif penganjuran seminar ini adalah untuk memberi kesedaran berkaitan kaedah atau kategori pembubaran, proses pelikuidasian serta kesannya kepada koperasi dan anggota selaras dengan peruntukan Akta Koperasi 1993.

Sejumlah 111 penyertaan oleh warga koperator yang mewakili 43 buah koperasi sekitar Lembah Klang hadir pada seminar ini. Perasmian majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Tn. Hj. Ramlan bin Kamsin, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) Institut Koperasi Malaysia. Pembentang dan tajuk kertas kerja seminar adalah seperti berikut:

- 1. Isu dan Cabaran Penyeliaan Koperasi di Malaysia**
oleh En. Nor Azam bin Md. Salleh
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus, SKM Ibu pejabat

oleh Pn. Hjh. Wan Zuraini binti Wan Yusof
Timbalan Pengarah Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan, SKM Ibu pejabat

Bahagian Statutori dan Pendaftaran, SKM Ibu pejabat

- 2. Senario Semasa: Isu dan Cabaran Dalam Pembubaran Gerakan Koperasi di Malaysia**

3. Kuasa dan Kaedah Pembubaran Koperasi di Malaysia
oleh En. Mahzan bin Noordin
Timbalan Pengarah

4. Kuasa Pelikuidasi & Keutamaan Pembayaran
oleh En. Zainal Abidin bin Murdan
Pegawai Pelikuidasi
SKM Cawangan Wilayah Persekutuan



PUSAT SEHENTI KEUSAHAWANAN (PSK) @ IKM ZON UTARA

Platform Penyebaran Maklumat Untuk Usahawan dan PKS

Yusnita Othman

Institut Koperasi Malaysia Zon Utara

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melancarkan Pusat Sehenti Keusahawanan (PSK) bertempat di Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Utara, Alor Setar, Kedah pada 25 Oktober 2018. PSK yang diwujudkan ini berkonsepkan pusat fizikal sebagai platform penyebaran maklumat mengenai usahawan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Majlis pelancaran PSK di IKM Zon Utara ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan. Hadir sama, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dr Mohd Hatta Md Ramli; Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan, Wan Suraya Wan Mohd Radzi dan Tuan Haji Ramlan bin Kamsin, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) Institut Koperasi Malaysia.

Bertindak sebagai pusat rujukan setempat, PSK menyediakan khidmat nasihat daripada pelbagai agensi di bawah MED seperti SME Bank, SME Corp Malaysia, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional), Bank Rakyat, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), UDA Holdings, Institut Koperasi Malaysia (IKM) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Segala informasi mengenai PSK ini akan dikemaskini dari semasa



ke semasa sebagai panduan untuk memperkuuhkan keusahawanan dan jati diri usahawan.

Selaku hos PSK di utara, IKM telah mengambil inisiatif dengan menyediakan borang maklum balas secara atas talian (*Google Form*) bagi mendapatkan maklumat dan pandangan daripada usahawan dan orang awam. Inisiatif ini selaras dengan peranan PSK sebagai pusat penyimpanan data dan maklum balas usahawan serta bertindak sebagai penerima aduan berkaitan perniagaan.

Tambahan lagi, MED juga telah melancarkan talian Hotline (Talian Bebas Tol 1-300-88-1020) yang beroperasi sepenuhnya pada 28 September 2018 sebagai pemudah cara dalam memberi khidmat nasihat kepada usahawan dan bakal usahawan.

Dengan pelancaran PSK ini, IKM Zon Utara menjadi tumpuan usahawan dan orang awam dari utara tanah air khususnya dari seluruh Kedah bagi mendapatkan maklumat berkaitan pembangunan usahawan.



Kursus Wajib Gabung: Koperasi Orang Asli

Siti Nuraini Abu Bakar
Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan

Pada 22 - 24 Oktober 2018, IKM Zon Selatan telah mengendalikan kursus Wajib Gabung iaitu kursus wajib 1 (Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi), Kursus Wajib 2 (Pengurusan Kewangan Koperasi) dan kursus wajib 3 (Pengurusan Strategik) bersama koperasi Orang Asli bertempat di Pusat Latihan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Kluang Johor. Kursus wajib ini merupakan kursus anjuran bersama JAKOA. JAKOA mengeluarkan arahan kepada peserta dari koperasi orang asli untuk menghantar barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang belum pernah datang berkursus untuk menghadiri kursus ini. Kursus ini merupakan kursus asas yang perlu diketahui oleh semua lembaga koperasi mengenai Akta dan Peraturan Koperasi, Arahan, Undang-undang Kecil serta Aturan untuk mengendalikan perjalanan sebuah koperasi.

Objektif Kursus Wajib Gabung ini adalah untuk memberi kefahaman kepada ALK mengenai amalan pengurusan yang baik dan ciri-ciri pentadbiran koperasi, memberi kefahaman terhadap kaedah bagi menilai prestasi koperasi dan mengurus modal kerja dengan berkesan serta memberi kefahaman berkaitan konsep dan kepentingan pengurusan secara strategik dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi.

Kursus ini telah dihadiri seramai 26 peserta yang terdiri daripada ALK daripada

Sesi Persembahan Kumpulan Mengenai Risiko Dan Kawalan Dalaman Aktiviti Perniagaan Madu Kelulut



Sesi Perbincangan Dalam Kumpulan

sembilan (9) buah koperasi Orang Asli dari enam (6) negeri iaitu Negeri Sembilan, Johor, Kelantan, Perak, Selangor dan Pahang. Koperasi yang terlibat adalah Koperasi Komuniti Orang Asli Negeri Sembilan Berhad, Koperasi Warga Asli Negeri Sembilan Berhad, Koperasi Orang Asli Pengkalan Tereh Kluang Berhad, Koperasi Peserta Rancangan Orang Asli Felcra Tanah Abang Mersing Berhad, Koperasi Kijang Mas Kelantan Berhad, Koperasi Sungai Pelantok Perak Berhad, Koperasi Asli Selangor Berhad, Koperasi Orang Asli Kampung Tanam Rompin Berhad dan Koperasi Orang Asli Tasik Chini Pekan Berhad.

Akhir sekali, peserta juga diberi tugas persembahan kumpulan bertujuan untuk menambah keyakinan diri lembaga serta mengikis perasaan malu dalam kalangan mereka untuk berucap dan menyampaikan maklumat kepada anggota koperasi dengan lebih berkesan supaya anggota faham kenapa perlu koperasi di kawasan mereka.

Kesemua ALK telah berjaya menerima sijil masing-masing dan melayakkan mereka untuk menjadi lembaga sekarang dan pada masa akan datang.

Kunjungan Delegasi Jawatankuasa Penaja Koperasi Pahang Skills Semambu Berhad Ke Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Nur Hafieza Hashim
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur



Delegasi Pahang Skills bergambar kenangan bersama pegawai IKM Zon Timur

Pada 28 November 2018, IKM Zon Timur telah menerima kunjungan dari Jawatankuasa Penaja Koperasi Pahang Skills Semambu Berhad. Kunjungan tersebut terdiri daripada En Suris bin Mihat, Pengarah Pahang Skills Development Centre (PSDC) dan pihak pengurusan tertinggi PSDC. Tujuan kunjungan tersebut adalah untuk beramah mesra dan mengenali IKM dengan lebih dekat lagi. Sesi ramah mesra telah dipengerusikan oleh En. Mohamad Rasydi bin Abd Rashid, Pengarah IKM Zon Timur. Dalam sesi tersebut, delegasi jawatankuasa penaja telah didedahkan tentang peranan dan tanggungjawab IKM dalam memacu kecemerlangan koperasi menerusi program-program yang dianjurkan oleh IKM.



Kunjungan selama dua jam diakhiri dengan penyampaian cenderamata korporat sebagai tanda kenangan.

Penyampaian cenderamata daripada Delegasi Pahang Skills

Program Bicara Ilmu “Buat Duit Dengan Bisnes Spa”

Nur Hafieza Hashim
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Pada 29 November 2018, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Timur telah mengambil peluang mengadakan program bicara ilmu bertajuk “Buat Duit Dengan Bisnes Spa” bertempat di Dewan Konvensyen, Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Negeri Terengganu bersempena dengan Karnival i-Spa & Wellness 2018. Program ini berjaya menarik minat seramai 90 orang peserta dalam kalangan koperator khususnya gerakan koperasi di pantai timur tanah air.

Objektif program bicara ilmu ini adalah untuk memberi pendedahan kepada koperator berkaitan tentang sektor pelancongan, penjagaan diri & kesihatan menerusi Industri Spa serta meneroka ruang dan peluang yang boleh diceburi oleh gerakan koperasi melalui perniagaan spa bagi meningkatkan pendapatan koperasi.

Dalam program Bicara Ilmu ini, IKM Zon Timur telah menjemput Pn. Norliza binti Othman, Presiden Persatuan Spa Malaysia sebagai

penceramah jemputan. Beliau mengupas isu berkaitan Industri Spa di Malaysia dan berkongsi pengalaman beliau sepanjang berada dalam industri ini. Beliau juga memberikan tips kepada koperator untuk menjana pendapatan daripada bisnes spa.

Secara keseluruhannya, program ini dapat membuka minda para koperator tentang industri spa di Malaysia dan menerusi bisnes spa pendapatan koperasi dapat dipertingkatkan.



Penceramah Pn. Norliza binti Othman (Presiden Persatuan SPA Malaysia)



Antara peserta yang hadir program bicara ilmu ini



Peserta tekun mendengar ceramah yang disampaikan



Peserta bergambar kenangan bersama Staff IKM Zon Timur dan Dif-dif Jemputan

Kuasai Formula Kejayaan Perniagaan : Strategi Penjenamaan Koperasi

Yusri Tarip
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah



Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah telah berjaya mengadakan seminar **Kuasai Formula Kejayaan Perniagaan : Strategi Penjenamaan Koperasi pada 8 November 2018 (Khamis)** bertempat di **Hotel Hilton, Kota Kinabalu**. Jumlah kehadiran peserta seramai 119 orang memberi petunjuk bahawa program anjuran IKM masih relevan serta menjadi pilihan ahli koperasi di Sabah sebagai wadah untuk terus memperkuuh kemahiran dan ilmu pengetahuan dalam meningkatkan tahap kefahaman berkaitan strategi perniagaan berkesan.

Seminar ini telah membariskan dua orang penceramah yang berkemahiran dalam bidang masing-masing. Penceramah pertama, Tn. Salahuddin Deraman (Coach Din Deraman), mempunyai 20 tahun pengalaman dan merupakan kaunselor di Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Beliau telah berkongsi dengan peserta berkaitan teknik sebenar menyasarkan diri

sebagai usahawan dengan ceramah bertajuk "*Mind Set dan Karakteristik Usahawan Berjaya*". Seterusnya peserta telah diminta untuk berfikir secara jelas tentang tujuan mereka melibatkan diri dalam perniagaan dalam sesi perkongsian bertajuk "*Bisnes Ikut Kemampuan Atau Trend?*". Dalam slot ini, peserta telah diberi peluang untuk berfikir secara kritis dan melihat dengan lebih jelas tentang kedudukan perniagaan masing-masing dalam pasaran semasa. Seterusnya peserta diajak

untuk membezakan dua konsep yang sering mengaburi usahawan yang baru menceburkan diri dalam perniagaan iaitu perbezaan mencari keuntungan dan mengukuhkan kedudukan dalam dunia perniagaan. Konsep tersebut telah dikupas dengan menarik sekali dalam slot "*Konsep Buat Duit VS Mengembangkan Perniagaan*".

Penceramah kedua, Tn. Wan Nong Muzafer merupakan seorang usahawan dan konsultan perniagaan



(*Online & Offline*) telah berkongsi pengalaman beliau sendiri dalam jatuh bangun mengendali sesebuah perniagaan. Beliau berusaha memberi kefahaman kepada peserta berkaitan daya saing dalam sesebuah perniagaan melalui perkongsian berdasarkan pengalaman beliau sendiri dalam ceramah bertajuk "Bagaimana Mencipta Kelebihan Daya Saing Perniagaan".

Tn. Wan Nong Muzafar seterusnya mengajak peserta untuk benar-benar faham bahawa terdapat perbezaan ketara di antara elemen perniagaan bila membabitkan elemen pemasaran, penjenamaan dan jualan dalam sesi ceramah berikutnya yang bertajuk "Pemasaran Vs Penjenamaan Vs Jualan". Setelah peserta diberikan kefahaman berkaitan tiga elemen tersebut, beliau seterusnya memberi fokus kepada salah satu elemen tersebut yang disifatkan sebagai faktor yang memberi nafas dan kelangsungan sesebuah perniagaan iaitu 'penjenamaan'. Dalam



ceramah yang bertajuk "Strategi Penjenamaan" beliau telah menekankan kepada peserta bahawa untuk bersaing sebagai usahawan koperasi yang dinamik, berinovasi tinggi, usahawan perlu mempunyai sifat daya saing berterusan dan dikuatkan lagi dengan kemampuan merancang dan melaksana strategi yang berkesan.

Di akhir setiap sesi ceramah, peserta telah diberi peluang untuk mengutarakan soalan dan juga pandangan. Peserta telah menggunakan sepenuhnya ruangan dan peluang tersebut bagi mendapatkan penerangan lebih lanjut berkaitan isu-isu keushawanan dan juga isu perniagaan semasa yang berlaku di dalam negara. Pengajaran seminar kali ini

dilihat berjaya memenuhi objektifnya iaitu:

- Menerapkan nilai dan ilmu keusahawanan yang relevan dalam perniagaan koperasi
- Memperkuuh ilmu pengetahuan dalam memahami strategi perniagaan
- Melahirkan usahawan koperasi yang dinamik, berinovasi dan mempunyai sifat daya saing berterusan.

IKM Sabah akan terus berusaha menganjurkan program yang memberi manfaat kepada gerakan koperasi bagi memperkasa modal insan koperasi seiring dengan Teras Strategik Dasar Koperasi Negara 2011-2020



SEMINAR JARINGAN STRATEGIK JANA KEKAYAAN KOPERASI

Frank Meol
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak

Sektor koperasi di Negeri Sarawak telah bermula dengan penubuhan koperasi pertama pada 3 Mei 1949. Sektor itu terus berkembang dengan statistik terkini sehingga Mac 2018 menunjukkan terdapat 1046 buah koperasi berdaftar dengan jumlah anggota melebihi 300 ribu orang. Walaupun sektor itu terus menunjukkan pertumbuhan dari segi jumlah pendaftaran serta keanggotaan koperasi di Sarawak, namun pencapaian gerakan koperasi di negeri tersebut masih belum lagi boleh dibanggakan. Secara keseluruhannya, di peringkat nasional, perolehan sektor koperasi di Sarawak berada pada kedudukan keempat terendah hanya lebih baik dari Negeri Sembilan, Melaka dan Perlis. Statistik tersebut memberi gambaran realiti sebenar sektor koperasi di negeri tersebut. Situasi ini meyakinkan bahawa satu anjakan paradigma perlu untuk mentransformasikan perolehan sektor koperasi di negeri Sarawak.

Anjakan paradigma bagi mentransformasikan perolehan koperasi di Sarawak perlu bermula dengan melihat sejauh mana kekuatan setiap koperasi di negeri tersebut. Kewujudan lebih seribu buah koperasi dengan kekuatan masing-masing merupakan peluang yang harus dioptimum mungkin oleh warga koperator.



Penggembangan sumber dan kerjasama yang kukuh di antara koperasi di negeri itu mampu mengembangkan lagi potensi perniagaan sedia ada. Setiap koperasi perlu melihat bagaimana kerjasama sesama koperasi ini boleh dilakukan. Selain daripada itu, koperasi juga boleh mengambil peluang kekuatan sektor swasta dan kerajaan dengan

menjalinkan kerjasama strategik dengan mereka agar perkongsian sumber dan kapakaran itu dapat di salurkan kepada koperasi yang masih memerlukan.

Menyedari perkara tersebut, IKM Zon Sarawak telah mengambil kesempatan menganjur Seminar bertema 'Jaringan Strategik Jana



Kekayaan Koperasi' bertempat di Hotel Grand Continental pada 29 dan 30 Oktober 2018. Sebanyak 162 orang warga koperator daripada 63 buah koperasi dari seluruh Negeri Sarawak dan Negara Brunei Darussalam serta usahawan yang berminat telah menyertai seminar tersebut. Antara lain objektif seminar adalah untuk menerangkan pentingnya jaringan strategik di dalam perniagaan koperasi selain perkongsian isu dan cabaran di dalam menjalankan jaringan kerjasama strategik. Seminar turut berkongsi pengalaman koperasi yang berjaya melalui proses jaringan strategik selain membuka peluang jaringan kerjasama strategik di antara koperasi dengan koperasi dan pihak swasta.

Sebanyak enam buah kertas kerja telah di bentangkan sepanjang seminar tersebut antaranya daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang memfokuskan berkenaan peranan kerajaan dalam menggalakkan jaringan strategik antara koperasi dan syarikat luar. Pihak SKM turut menerangkan berkenaan peranan kementerian baru di dalam memartabatkan lagi sektor koperasi di Malaysia. Selain daripada itu perkongsian pengalaman oleh Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah (KPPKNK) berkenaan bagaimana koperasi tersebut mendapat manfaat dengan memaksimumkan kerjasama strategik dengan koperasi dan syarikat luar untuk memajukan lagi perniagaan koperasi. Empat kertas kerja yang lain pula membuka peluang kerjasama strategik dengan koperasi dan syarikat swasta terkemuka di dalam negara antaranya KPPKNK yang menawarkan kerjasama di dalam bidang perniagaan



Ar Rahnu, KOPETRO yang menawarkan peluang perniagaan di dalam bidang Agen pelancongan, EPAY Malaysia Sdn Bhd yang menawarkan kerjasama di dalam perkhidmatan tambah nilai dan kemudahan pembayaran bil utiliti manakala Xcel Inovation Sdn Bhd yang membuka peluang kerjasama membangunkan stesen minyak mini mudah alih. Sebanyak tujuh buah kerjasama strategik telah di meterai sewaktu seminar di jalankan dengan dua buah koperasi komited untuk melaksanakan 'location survey' untuk projek stesen minyak mini bersama pihak Xcel Inovation Sdn Bhd manakala lima buah koperasi lagi telah

mendaftar sebagai agen Epay.

Walaupun seminar tersebut hanya dijalankan di dalam tempoh dua hari, namun ia diharapkan mampu memberi kesedaran potensi perniagaan dan bentuk kerjasama yang boleh dijalin dengan syarikat dan koperasi yang berpotensi dan dalam masa yang sama memberi impak yang maksimum kepada perniagaan koperasi Negeri Sarawak. Peningkatan perniagaan dalam koperasi secara tidak langsung meningkatkan sumbangan koperasi kepada KDNK negara dan meningkatkan lagi sosio ekonomi anggotanya.



LAWATAN DELEGASI DEWAN KOPERASI INDONESIA WILAYAH JAWA BARAT (DEKOPIN), INDONESIA KE INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

Nur Syazwani Zainul Abidin
Pusat Antarabangsa & Kolaborasi

Pada 3 Julai 2018 bertempat di Auditorium Dato' Abdul Majid, IKM telah menerima kunjungan seramai 70 delegasi dari Dewan Koperasi Indonesia (DEKOPIN) Wilayah Jawa Barat, Indonesia yang diketuai oleh Dr. Mustopa Djamiluddin, Pengurus DEKOPIN Wilayah Jawa Barat . Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mengetahui fungsi dan peranan IKM sebagai sebuah pusat latihan dan pendidikan

koperasi serta pada masa yang sama beliau meninjau potensi kerjasama dengan IKM pada masa akan datang.

Lawatan ini telah disambut oleh Tuan Haji Ramlan Kamsin, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik), Puan Rahimah Abd Samad, Mantan Pengarah Kanan IKM, Puan Haslinda Sujak, Mantan Pengarah Pusat Antarabangsa & Kolaborasi, dan pegawai-pegawai IKM. Lawatan ini dimulakan dengan

tayangan video korporat IKM dan diikuti dengan penerangan mengenai fungsi, peranan, proses transformasi 2018 dan hala tuju IKM yang disampaikan oleh Tuan Haji Ramlan Kamsin, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) IKM. Para delegasi juga turut didekah dengan mengenai senario koperasi di Malaysia serta penerangan lanjut mengenai kajian keperluan latihan, proses pembangunan silibus dan program latihan



JARINGAN



yang dijalankan. Lawatan kemudianya disusuli dengan penerangan ringkas oleh Dr Mustopa Djamiluddin, Pengurus DEKOPIN Wilayah Jawa Barat dan aktiviti yang dijalankan khususnya.

Secara umumnya DEKOPIN merupakan sebuah badan apex gerakan koperasi di Indonesia. Ia berfungsi dalam memperjuangkan, mengawasi dan menjaga kepentingan Koperasi di Indonesia. Selain itu DEKOPIN meningkatkan kesedaran koperasi di kalangan masyarakat, antara lain dengan menjalankan penyampaian maklumat, menerbitkan dan memajukan masyarakat setempat dengan menubuhkan koperasi. Di samping itu juga DEKOPIN giat menjalankan dan memberikan pendidikan koperasi kepada ahli dan komuniti setempat. Di Indonesia DEKOPIN terbahagi kepada tiga peringkat struktur organisasi iaitu di peringkat kebangsaan yang dipanggil DEKOPIN, di peringkat wilayah / khas yang dipanggil DEKOPINWIL dan di peringkat Kabupaten / Kota dipanggil DEKOPINDA.

Di akhir pertemuan, pihak DEKOPIN mengucapkan ribuan terima kasih kepada IKM di atas perkongsian maklumat yang dapat dikongsikan kepada ahli-ahli DEKOPIN.



MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI, KREATIVITI DAN INTEGRITI 2018

Norazila Md. Tauhid
Unit Pengurusan Sumber Manusia



Majlis Sambutan Hari Inovasi, Kreativiti dan Integriti peringkat Institut Koperasi Malaysia (IKM) Tahun 2018 telah disempurnakan oleh YBhg. Encik Muhammad Razman Bin Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) pada 30 Oktober 2018 bertempat di Auditorium Dato' Abdul Majid, IKM.

Sambutan Hari Inovasi, Kreativiti dan Integriti ini merupakan program tahunan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada warga kerja IKM yang memperkasakan budaya inovasi, kreativiti dan amalan integriti dalam melaksanakan tugas sehari-hari. Di samping itu, program ini dapat memperbaharui komitmen dan dedikasi warga kerja dan pihak pengurusan kepada usaha-

usaha yang dilaksanakan ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan juga bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan warga kerja terhadap usaha meningkatkan kualiti melalui penjanaan inovasi dan kreativiti bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.

Bagi menyahut seruan kerajaan ke arah memartabatkan pembudayaan dan pemerkasaan Inovasi dalam

BERITA KAKITANGAN



sektor awam, beberapa pertandingan diadakan sebagai usaha memupuk budaya kreatif dan inovatif secara berterusan agar melahirkan pekerja yang lebih dedikasi, berdisiplin dan bertanggungjawab serta dapat memperbaiki sistem dan cara bekerja ke arah budaya kerja cemerlang.

Program sambutan dimulakan dengan ceramah Pengukuhan Integriti bertajuk "Melonjakkan Budaya Integriti Warga Kerja IKM" oleh En. Fison Hamdi bin Ahmad Penolong Pengarah Kanan, Institut Integriti Malaysia.



Pelajar Kolej iCOOP Meniti Cabaran ke Bukit Kutu

Muhammad Amir Hafiz Bin Rahmatullah
Pelajar Kolej iCOOP



ICOOP Adventure Squad

Kuala Kubu Bahru - Seramai 45 orang pelajar kolej iCOOP telah menyertai program "Mendaki ke Bukit Kutu" anjuran kelab "ICOOP Adventure Squad". Program ini dijalankan pada 29/12/2018. Bukit Kutu ini dikategorikan sebagai antara gunung-gunung yang mencabar di Malaysia.

Sebelum program bermula, pelajar-pelajar berkumpul di depan kolej iCOOP pada kumpul 4 pagi sebelum bas tiba. Mereka diberikan makanan oleh AJK Makanan untuk sarapan dan makan tengahari sebelum bertolak ke destinasi. Bas tiba pada pukul 5.15 pagi di Kolej dan tiba di Bukit Kutu pada 7.20 pagi.

Sebelum pendakian dimulakan, pelajar-pelajar diminta untuk memanaskan badan mereka supaya bagi mengelakkan berlaku kekejangan otot semasa pendakian. Aktiviti memanaskan badan diketuai oleh AJK Keselamatan. Setelah selesai, pelajar dibahagikan secara berkumpulan sebelum mendaki. Pendakian tersebut diketuai oleh Muhammad Nabil Fikri Bin Muhamad, Pengurus iCOOP Adventure Squad. Perjalanan mendaki ke puncak Bukit Kutu bermula pada pukul 7.40 pagi dan mengambil masa lebih 6 jam sebelum sampai ke puncak gunung.

Perjalanan mereka berakhir di puncak pada pukul 1.30 petang. Setelah sampai ke puncak, pelajar mengambil kesempatan untuk bergambar dan makan tengahari untuk mengumpulkan tenaga mereka semula sebelum mereka turun semula. Pelajar mula turun pada pukul 2.00 petang. Perjalanan tersebut mengambil masa 5 jam untuk sampai ke kaki gunung. Setelah sampai, pelajar mula bertolak pulang dengan menaiki bas pada pukul 7 malam. Mereka pulang dengan rasa penat dan seronok selepas selesai program tersebut.

Harapan daripada pengurus kelab rekreasi "Setiap orang di dunia ini pasti memiliki mimpi dan ambisi. Semakin tinggi cita-cita dan keinginan yang ingin diraih, semakin besar rintangan dan tingkat kesulitan yang akan dihadapi. Tetapi jangan takut untuk memiliki mimpi yang tinggi. Meskipun akan merasa kesulitan, percayalah saat kita jatuh aka nada pelajaran indah dan manis yang dapat kita petik".



BERITA KAKITANGAN

Muhammad Nabil Fikri Bin Muhamad - Pengurus kelab iCOOP Adventure Squad



JOM LIKE & FOLLOW KAMI

Dapatkan info terkini mengenai Institut Koperasi Malaysia



2019 **INTAKE** *is now open!*



019-2936552

Pre-University

Pearson Edexcel International A-Level in Arts MQA.(S) 600-4/5/2(80)
Foundation In Business (MQA/PA 8965)
English Proficiency

Diploma

Diploma in Cooperative Management (MQA/FA0907)
Diploma in Cooperative Entrepreneurship (MQA/PA8589)
Diploma in Accounting (MQA/PA 9530)
Diploma in Administrative Management (MQA/PA 9125)



Intake :
April / July / October



Register Now >

Online Application: www.icoop.edu.my



INSTITUT
KOPERASI
MALAYSIA

ASAS SIMPAN KIRA

Panduan Bagi Koperasi Kecil & Sederhana



MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

HARGA: **RM35.00**

ASAS SIMPAN KIRA


Buku Asas Simpan Kira menerangkan konsep, prinsip dan proses perakaunan serta penyenggaraan akaun koperasi yang mudah difahami serta telah dikemas kini oleh penulis. Tujuan buku ini ditulis adalah bagi meningkatkan pemahaman secara komprehensif berkenaan proses simpan kira di koperasi bagi mereka yang ingin mendalami subjek perakaunan koperasi. Melalui penulisan ini diharap koperasi dapat merujuk dan menjadikannya sebagai panduan dalam mengemas kini akaun dan menyediakan laporan. Gaya bahasa, teknik penyampaian serta contoh ditulis dengan cara yang mudah difahami dan sesuai untuk bacaan Bendahari, Jawatankuasa Audit Dalaman, kakitangan kewangan koperasi dan pegawai agensi yang menyelia koperasi. Buku ini sangat istimewa dan harus dimiliki oleh gerakan koperasi memandangkan ia sangat terhad di pasaran dan harga yang berpatutan.

terhad di pasaran dan harga yang berpatutan.

PENGURUSAN KEWANGAN



PENGURUSAN KEWANGAN



Maktab Koperasi Malaysia

HARGA: **RM39.00**

PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan adalah antara aspek terpenting untuk diketahui oleh setiap individu yang menjalankan perniagaan, termasuklah Anggota Lembaga Koperasi (ALK). Hal ini kerana setiap keputusan yang dibuat akan memberi kesan terhadap kewangan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Asasnya, pengurusan kewangan adalah berkaitan dengan penggunaan sumber-sumber yang terdapat dalam perniagaan untuk mendapatkan pulangan maksimum, dengan perbelanjaan yang minimum pada tahap risiko yang sanggup diambil. Sumber-sumber dalam perniagaan termasuklah modal, tenaga kerja, material, mesin, pengetahuan teknologi dan lain-lain.

Dapatkan di Pasar Mini Maktab Koperasi Malaysia



Maktab Koperasi Malaysia
Maktab Koperasi Malaysia Official Group



Maktab_Koperasi



maktab_koperasi_malaysia



www.mkm.edu.my



INSTITUT
KOPERASI
MALAYSIA

VLMS

VIDEO LEARNING MANAGEMENT SYSTEM

Sebagai usaha untuk menyalurkan ilmu pengurusan perkoperasian terutamanya Kursus Wajib kepada semua Ahli Lembaga Koperasi (ALK), IKM mengambil langkah yang proaktif dengan melaksanakan Kursus Wajib melalui kaedah e-pembelajaran iaitu kaedah yang menggunakan kemudahan Internet yang tersedia tanpa mengira masa dan tempat. Sistem VLMS dibangunkan bagi membolehkan ALK dan sesiapa sahaja yang ingin mendalami ilmu pengurusan koperasi mempelajarinya secara dalam talian mengikut masa dan kesesuaian individu. Pembangunan VLMS juga merupakan alternatif pilihan pembelajaran selain secara tradisional (face to face). Kaedah e-pembelajaran ini berupaya menyokong pertambahan permintaan pembelajaran di dalam kelas bagi ALK yang wajib menghadiri kursus wajib koperasi di IKM dalam tempoh lantikan mereka. Penggunaan sistem e-pembelajaran ini mampu menarik minat terutama generasi Y untuk mendalami kursus wajib koperasi.

KURSUS WAJIB KOPERASI SECARA ONLINE

MUDAH & JIMAT

- Menjimatkan masa dan kos.



MODEN

- Menggunakan pelbagai teknologi komunikasi moden.
- Mudah digunakan dan mesra pengguna.



PENINGKATAN KUALITI

- Penumpuan yang tinggi dapat meningkatkan pengetahuan.
- Interaksi secara dalam talian dapat membantu meningkatkan pemahaman.



TANPA SEMPADAN

- Boleh diakses dimana-mana sahaja dari mana-mana komputer selagi ada perkhidmatan Internet.



Kemasukan Peserta Baharu Dibuka Sekarang! Sila Layari <http://vlms.ikkm.edu.my>

ALAMAT PERHUBUNGAN

Urus Setia VLMS,
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)
Institut Koperasi Malaysia
103, Jalan Templer
46700 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-79649000 / 03- 79649055/051/170/057
Emel: admin_vlms@ikkm.edu.my

Menerajui Kecemerlangan



Institut Koperasi Malaysia

Kampus Induk

Institut Koperasi Malaysia
103, Jalan Templer ,
46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan ,
e-mel : ikm@edu.my
tel : 03-7964 9000
faks : 03-79570434

IKM Zon Utara

No. 1515, Wisma KGMKB
Jalan Tunku Ibrahim
05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman
e-mel: ikmcutara@edu.my
tel : 04 – 733 7527
faks : 04 – 733 7532

IKM Zon Sabah

Tingkat 5, Menara MAA,
Lorong 6 Api Api 1,
Kota Kinabalu ,
88000, Sabah
e-mel : ikmsabah@edu.my
tel : 088-240 812
faks : 088-241 802

IKM Zon Timur

Kompleks Inkubator
Indera Mahkota 14,
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan
Pahang Darul Makmur
e-mel : ikmctimur@edu.my
tel : 09 – 573 2449
faks : 09 – 573 2405

IKM Zon Sarawak

Wisma Sego,
Lot 3593, Blok 14,
Jalan Sultan Tengah
93050 Petra Jaya Kuching, Sarawak.
Tel : 082-649407, 082-506408, 082-649409
Faks : 082-649405
E-mel : ikmsarawak@ikm.edu.my

IkM Zon Selatan

No. 3, Jalan Padi Emas 1/8
Bandar Baru UDA
81200 Johor Bahru, Johor.
Tel: 07-2075559
Faks: 07-2342021
E-mel:ikmcselatan@ikm.edu.my

Kolej iCOOP

Damansara Damai Campus 1
Jalan PJU 10/3C, Damansara Damai
47830 Petaling Jaya, Selangor Malaysia
Tel : 03 – 6140 2520
e-mel : info@icoop.edu.my

www.ikkm.edu.my



Institut koperasi malaysia



Institut_Koperasi



Institut_Koperasi_Malaysia